

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (KETENTERAMAN AWAM)

TARIKH: 06 APRIL 2018

MUKA SURAT: 17

## KONSEP KEPOLISAN MODEN

# Penduduk TTDI beri reaksi positif

➔ Bincang situasi semasa setiap bulan bersama polis, PBT, bomba

Oleh Mohd Azam Shah Yaacob dan Mohd Hasbi Sidek  
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**K**onsep kepolisan moden dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Balai Polis Taman Tun Dr Ismail (TTDI) menerima reaksi positif penduduk setempat.

Pengerusi Persatuan Penduduk TTDI, Abdul Hafiz Abu Bakar, 61, berkata prestasi ditunjukkan anggota Balai Polis TTDI amat me-

muaskan, sekali gus berjaya menurunkan tahap kebimbangan masyarakat setempat terhadap kejadian jenayah.

“Walaupun jenayah masih berlaku, namun berada pada tahap terkawal berbanding sebelum ini.

“Rekod jumlah atau statistik jenayah disimpan polis, jadi saya tidak dapat menunjukkan jumlahnya tetapi berdasarkan pemerhatian keseluruhan menunjukkan penurunan.

“Perkhidmatan yang diberikan anggota polis juga amat memuaskan termasuk ketika berada di kaunter balai,” katanya ketika di-

temui di kediamannya, di TTDI, di sini, pagi semalam.

Abdul Hafiz berkata, setiap bulan pihaknya bersama polis, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) mengadakan pertemuan membincangkan situasi semasa.

**Penduduk lebih selesa, yakin**

“Kewujudan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) serta rondaan kereta peronda (MPV) yang menunjukkan kehadiran polis di kawasan perumahan membuatkan penduduk lebih selesa dan yakin.



**Balai Polis TTDI** menerapkan konsep kepolisan moden dalam usaha menangani jenayah.



Abdul Hafiz Abu Bakar

“Sekali gus menurunkan tahap kebimbangan penduduk di sini.

“Saya mempunyai pengalaman sendiri terserempak beberapa lelaki dalam keadaan mencurigakan, apabila menghubungi polis, mereka tiba di lokasi dalam masa beberapa minit sahaja,” katanya.

Beliau berkata, polis juga kerap melakukan sekatan jalan raya pada lokasi dan waktu berbeza sekitar TTDI.

“Secara keseluruhan konsep kepolisan moden yang diterapkan memberi kesan positif kepada masyarakat selain menaikkan imej PDRM sendiri,” jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN